

## Huawei Malaysia bina ekosistem tenaga negara

Februari 24, 2022



Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd

KUALA LUMPUR: Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd menjalankan kerjasama dengan KVC Industrial Supplies Sdn Bhd (KVC Industrial Supplies) dan JJ-LAPP (M) Sdn Bhd (JJ-LAPP Malaysia) untuk membina ekosistem tenaga negara bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Dalam satu kenyataan, Huawei Malaysia berkata perkongsian itu akan membantu membuka jalan kepada negara untuk mencapai status neutral karbon menjelang 2050 melalui pembuatan solar dan bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan menggunakan teknologi fotovoltan solar (PV) untuk memajukan peralihan kepada tenaga digital hijau.

"Kerjasama dengan KVC Industrial Supplies dan JJ-LAPP Malaysia ini akan menyaksikan kedua-dua rakan kongsi menumpukan kepada sokongan jualan, pengedaran dan perkhidmatan rangkaian inverter PV Solar Huawei di seluruh negara," kata Huawei Malaysia.

Kedua-dua pihak adalah pengedar utama inverter PV solar Huawei di Malaysia.

Huawei Malaysia akan menjadi penasihat teknologi kepada kedua-dua pihak, mengeluarkan produk dan menjalankan latihan produk untuk menyokong pembangunan hidrogen bersih dan teknologi boleh diperbaharui yang lain.

Ia juga akan melengkapkan rangkaian produk KVC Industrial Supplies dan JJ-LAPP Malaysia untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk PV solar dan tenaga di dalam negara.

Sementara itu, dengan penggunaan elektrik dijangka meningkat dua kali ganda menjelang 2040 di Asia Tenggara, Huawei Malaysia berkata Malaysia adalah antara pasaran tenaga solar yang paling pesat berkembang.

-BERNAMA